



NOTIS MAKLUMAN PELAKSANAAN PROGRAM BIDAAN TERBUKA *NEW GENERATION CAPACITY IN YEAR 2029 TO 2031*

REQUEST FOR PROPOSAL ("RFP") BAGI PEMILIHAN PEMAJU BERKELAYAKAN

Bagi memastikan kestabilan bekalan elektrik serta memastikan *reserve margin* bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia pada tahap optimum, Suruhanjaya Tenaga ("Suruhanjaya"), bagi pihak Kerajaan, menjemput syarikat atau konsortium yang berminat untuk mengemukakan tawaran bagi membekalkan penjanaan kuasa daripada loji janakuasa gas baharu yang dijadualkan untuk beroperasi antara tahun 2029 hingga 2031.

Sehubungan itu, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan proses bidaan secara terbuka bagi bidaan *New Generation Capacity In Year 2029 To 2031* ("NEWGEN26") kepada pembangunan loji janakuasa gas baharu.

Sehubungan itu, Suruhanjaya ingin mempelawa syarikat atau konsortium yang berminat dan mempunyai pengalaman yang luas dalam melaksanakan projek-projek yang berkaitan dengan penjanaan tenaga, termasuk pembiayaan projek dan pengoperasian loji janakuasa untuk mengambil bahagian dalam proses pembidaan kompetitif mengikut kriteria yang ditetapkan dalam dokumen RFP.

Dokumen RFP akan mula dijual dari **2 Mac 2026 jam 9.00 pagi hingga 13 Mac 2026 jam 5.00 petang** secara dalam talian melalui laman sesawang Suruhanjaya iaitu www.st.gov.my dengan harga **RM 30,000.00** bagi setiap dokumen RFP. Penyerahan dokumen tender secara fizikal yang lengkap hendaklah dihantar dan diterima oleh Suruhanjaya **selewat-lewatnya pada 1 Julai 2026 jam 12.00 tengah hari di Ibu pejabat Suruhanjaya**. Sebarang perubahan kepada kaedah penyerahan dokumen tersebut akan dimaklumkan melalui laman sesawang Suruhanjaya.

Suruhanjaya Tenaga (*Energy Commission*),
12, Jalan Tun Hussein,
Presint 2,
62100 Putrajaya, Malaysia.

www.st.gov.my
newgen26@st.gov.my